



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP INSTITUSI MUZIUM:  
KAJIAN KES DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**

**Muhammad Ainuddin Bin Mustafa**

**(37245)**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2015**

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report Masters PhD 

## DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 26 day of June 2015.

## Student's Declaration:

I MUHAMMAD AINUDDIN BIN MUSTAFA, 37245, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP INSTITUSI MUZIUM : KAJIAN KES DI MUZIUM NEGERI KELANTAN is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

26 JUNE 2015

Date submitted

MUHAMMAD AINUDDIN BIN MUSTAFA (37245)

Name of the student (Matric No.)

## Supervisor's Declaration:

I MR ALEXANDER AK CHELUM hereby certifies that the work entitled PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP INSTITUSI MUZIUM : KAJIAN KES DI MUZIUM NEGERI KELANTAN was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ART MANAGEMENT), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ALEXANDER AK CHELUM

(Name of the supervisor)

Date: 30/6/2015

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:


- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature



(26 June 2015)

Supervisor signature:



(26 June 2015)

**Alexander ak Chelum**  
Pensyarah  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Current Address:


**LOT 753  
JALAN HILIR HOSPITAL USM,  
KUBANG KERIAN,  
16150 KOTA BHARU,  
KELANTAN.**

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP INSTITUSI MUZIUM : KAJIAN KES DI MUZIUM NEGERI KELANTAN” telah disediakan oleh Muhammad Ainuddin Bin Mustafa dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:



En. Alexander Ak Chelum

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh: 30/6/2015

## *Sekapur Sirih Seulas Pinang*

Bismillahirrahmanirahim..

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir Pengurusan Seni ini telah dapat disiapkan dengan sepenuhnya.

Sejuta penghargaan ikhlas dirakamkan kepada En. Alexander Ak Chelum selaku penyelia untuk penyelidikan ini yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Berkat dan sokongan daripada beliau telah menyemarakkan semangat saya untuk meneruskan penyelidikan ini walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah serta cabaran yang dialami.

Selain itu juga, ribuan terima kasih diucapkan kepada Pihak Muzium Negeri Kelantan, di atas kerjasama yang telah diberikan dalam mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan ini.

Di samping itu juga, setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu dan bapa saya Mustafa Bin Yahya dan juga kepada ibu saya Che Maimunah Binti Che Wil, serta keluarga tercinta yang sentiasa memberi semangat dan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang disayangi banyak memberi sokongan serta nasihat kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya.

Semoga kalian dirahmati olehNYA Insyaallah.

## **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Penerimaan Masyarakat Terhadap Institusi Muzium : Kajian Kes Di Muzium Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kepentingan Muzium Negeri Kelantan terhadap masyarakat masa kini, menganalisa tentang peranan Muzium Negeri Kelantan terhadap tahap penerimaan masyarakat dan menilai persepsi masyarakat terhadap Muzium Negeri Kelantan dari aspek pameran, kemudahan, persekitaran, maklumat dan komunikasi bagi menarik minat pengunjung terutama golongan belia. Ini dapat diterjemahkan melalui survei yang dilakukan terhadap staf-staf muzium, pengunjung dan pelajar pengurusan seni dan disokong oleh fakta-fakta yang diperolehi melalui temubual bersama informen yang pakar dan berpengalaman bidang pengurusan pengunjung di muzium ini.*

## ***ABSTRACT***

*This research is a study Institution Museum admission Societies: A Case Study at State Museum. This study was conducted to investigate the importance of the State Museum of contemporary society, analyzing the role of the State Museum and assess the level of acceptance masyarakat public perception of the State Museum of aspects of the exhibition, facilities, environment, information and communication in order to attract visitors, especially youth . This can be translated through the survey conducted on the staff of the museum, visitors and students of the art management and supported by the facts obtained through interviews with experts and experienced informen the field of management of the museum's visitors.*

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Pengesahan	i - ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi

### **BAB 1                    PENGENALAN**

1.0	Pengenalan	1 - 2	
	1.0.1	Latar Belakang Kajian	2 - 3
	1.0.2	Peranan Muzium	3 - 5
1.1	Permasalahan Kajian	5	
1.2	Skop Kajian	6	
1.3	Objektif Kajian	6	
1.4	Persoalan Kajian	7	
1.5	Hipotesis Kajian	7	
1.6	Lokasi Kajian	8	
1.7	Kepentingan Kajian	9	



1.7.1	Kepentingan Terhadap Masyarakat	9
1.7.2	Kepentingan Terhadap Muzium	9
1.8	Rumusan	10

## **BAB 2                      SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.0	Pengenalan	11
2.1	Sejarah Muzium Dunia	11 - 12
2.2	Sejarah Muzium Di Malaysia	12 - 13
2.3	Muzium Dan Peranannya	13
2.3.1	Definisi Muzium	13 - 14
2.3.2	Peranan Dan Fungsi Muzium	15 - 18
2.3.3	Kemudahan Di Muzium	18
2.4	Pelawat Dan Persepsinya	18
2.4.1	Masyarakat	19
2.4.2	Pengunjung Atau Pelawat	19 - 20
2.4.3	Persepsi	20 - 21
2.5	Tujuan Pelawat	22
2.5.1	Faktor Pelawat Berkunjung Ke Muzium	22 - 23
2.5.2	Faktor Tidak Pelawat Berkunjung Ke Muzium	23 - 24
2.6	Rumusan	24

## **BAB 3**

## **MERODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	25 - 26
3.1	Lokasi Kajian	26
3.2	Kerangka Kajian	27
3.2.1	Peringkat 1 : Kajian Rintis	27
3.2.2	Peringkat 2 : Rangka Kerja dan Reka Bentuk Kajian	27
3.2.3	Peringkat 3 : Analisis Data	27
3.3	Pendekatan Penyelidikan	28
3.3.1	Kaedah Kuantitatif	28
3.3.2	Kaedah Kualitatif	29
3.4	Jenis - Jenis Data	29
3.4.1	Data Skunder	30
3.4.1.1	Kajian Perpustakaan	30 - 31
3.4.2	Data Primier	31 - 34
3.5	Kaedah Penganalisan Data	34
3.6	Rumusan	35

## **BAB 4 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	36
4.1	Cronobach Alpha	36 - 38
4.2	Diskriptif A	50 - 55
4.3	Pemahaman Responden B	56 - 63
4.4	Pemahaman Responden C	63 - 65
4.5	Pemahaman Responden D	65 - 70
4.6	Hubungkait	71 – 76
4.7	Objektif 1 ( kualitatif )	77 - 79
4.8	Objektif 2 ( kualitatif )	79 - 80
4.9	Objektif 3 ( kualitatif )	81 - 82
5.0	Dapatan kajian	82
5.1	Rumusan	83

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.0	Pengenalan	84
5.1	Perbincangan	84 - 86
5.2	Penemuan kajian	86
5.3	Cadangan	86
5.3.1	Cadangan Kepada Muzium	86 - 87
5.3.2	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	87 - 88

5.4	Implikasi Kajian	88 - 89
5.5	Rumusan	89

<b>BIBLOGRAFI</b>	90 - 91
-------------------	---------

## **LAMPIRAN**

Lampiran A	92 - 95
Lampiran B	96 - 97
Lampiran C	97
Lampiran D	98
Lampiran E	99 - 101
Lampiran F	102

# **BAB 1**

## **PENDAHULAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, skop, permasalahan, objektif, persoalan kajian, lokasi kajian, hipotesis dan kepentingan kajian. Kajian ini ialah tentang penerimaan masyarakat terhadap muzium. Pada kebiasaannya kita dapat memahami istilah muzium sebagai penyimpan barang-barang lama yang di simpan dalam sebuah bangunan lama. Pandangan tradisional ini berubah dari semasa ke semasa, sehinggalah pada tahun 1974, pertubuhan UNESCO melalui badan professional yang dipanggil ICOM telah memberi definisi yang lebih terperinci berkenaan muzium. Secara amnya muzium dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai dan mungkin tidak dapat ditukar ganti. Selain itu juga, Muzium juga berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak rasmi. Sumber dan bahan-bahan yang terdapat di muzium mampu memberi kefahaman. Sumber dan bahan-bahan yang terdapat di muzium mampu memberi kefahaman dan menarik minat sama ada yang berkaitan sejarah, sastera, sains atau alam semulajadi. Kewujudan sesebuah muzium itu pada prinsipnya berasaskan kepada beberapa keperluan iaitu memberi pendidikan kepada masyarakat, pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semulajadi dan pelancongan. Pengurusan sesebuah muzium adalah berpandukan kepada dasar-dasar yang ditetapkan dan digerakan di atas landasan struktur organisasi yang serasi dan selari dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Tidak terdapat sebarang peraturan mengenai pembentukan organisasi tersebut tetapi perlu menepati kehendak program dan aktiviti muzium berkenaan seperti; Pentadbiran, Kewangan, Penerbitan, Editorial, Latihan, Pusat Rekod, Arkib,

Perhubungan Awam, Pemasaran dan Teknologi Maklumat. Organisasi ini penting dan boleh dipindah dan dipersesuaikan dengan keperluan dan perubahan semasa atau pengkhusan skop bidang yang dikendalikan muzium berkenaan. Reputasi sesebuah muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum seperti teknik-teknik pameran yang digunakan, program interpretasi, pemasaran dan penerbitan mengenainya dalam pelbagai media. . Bidang permuziuman merangkumi pelbagai aspek yang saling berinteraksi dalam menggerakkan usaha pembangunan dan pembentukan pusat pengumpulan maklumat dan pendidikan berkenaan warisan negara

### **1.0.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Muzium Negeri telah dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan pada 6 Ogos 1990. Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan (Medan) Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (T.I.C.). Bangunan Muzium Negeri Kelantan adalah sebuah bangunan batu. Sebelum dijadikan Muzium ianya merupakan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu. Bangunan tersebut telah dibaikpulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan sebuah Muzium. Pada tahun 1988 bahagian dalam bangunan Muzium ini juga telah diubah dengan menambah setengah tingkat lagi dan menyediakan ruang-ruang untuk membahagikan aliran cerita yang ditetapkan bagi Muzium ini. Aliran pameran Muzium negeri ini adalah seperti berikut. Ruang awalnya mempamerkan sejarah negeri Kelantan semenjak awal hingga kepada era moden. Pada bahagian setengah tingkat di atas pula diadakan pameran mengenai Seni Budaya

Negeri Kelantan; termasuklah peralatan permainan wayang kulit, rebana ubi, makyong, menora dan lain-lain. Antara barang-barang yang dipamerkan di sini terdiri daripada alat-alat muzik tradisional, permainan-permainan tradisional, koleksi seramik dan alat pengangkutan darat dan air. Di sini juga terdapat ruangan sejarah purba iaitu replika 'Gua Cha'. Di sini terdapat tiga bahagian balai pameran iaitu bahagian luar yang mempamerkan jenis-jenis alat pengangkutan, bahagian dalam yang mempamerkan pra-sejarah dan Warisan Masyarakat Cina Kelantan dan ruang legar. Di bahagian 'Mezzanine Floor' pula dipamerkan berbagai jenis permainan masa lapang dan peralatan muzik tradisional. Muzium ini dibuka pada tiap-tiap hari kecuali hari Jumaat mulai jam 8.30 pagi hingga 4.45 petang. Bayaran dikenakan RM 1.00 bagi orang dewasa dan RM0.50 kana kanak.

### **1.0.2 PERANAN MUZIUM**

Muzium memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Sumbangan serta peranan yang dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti dijalankan dapat dilihat daripada beberapa aspek. Muzium sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya Negara yang mempunyai komitmen dan rasa tanggungjawab yang tinggi menyelamatkan dan memelihara warisan manusia dan persekitarannya. Aktiviti menyelamatkan dan memulihara disusuli dengan perlengkapan maklumat dan dokumentasi sebelum dibuka dan diterbitkan untuk sebaran kepada umum. Sehubungan dengan itu, muzium dapat dilihat sebagai pencari dan pengumpul maklumat untuk orang ramai.

Muzium sebagai penyebar maklumat dan mendidik masyarakat. Penyebaran maklumat dan mendidik masyarakat mengenai bidang-bidang tertentu adalah salah

satu fungsi utama Muzium. Pameran-pameran dirancang dan diadakan beberapa kali sepanjang tahun merupakan satu cara penting menarik orang ramai ke Muzium sekaligus menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Selain itu, hasil penyelidikan dan kajian ilmiah yang dijalankan diterbitkan dalam bentuk buku, monograf, journal dan lain-lain lagi untuk diedar disalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat keseluruhannya. Cara ini diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan dan peka terhadap sejarah dan budaya sendiri. Dalam usaha penyebaran maklumat, Muzium Negeri mengambilkira semua golongan peringkat masyarakat. Ini kerana Muzium berpegang kepada konsep " Jika mereka tidak dapat datang ke Muzium, oleh itu Muzium perlu pergi kepada mereka ". Justeru itu, Muzium Negeri turut merangka program pameran bergerak seperti ke sekolah-sekolah, memberi ceramah, seminar dan lain-lain lagi.

Memupuk semangat kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan budaya sendiri. Aktiviti-aktiviti Muzium seringkali selari dengan matlamat mengenai semangat kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap budaya warisan sendiri. Usaha-usaha pemuliharaan dan penyelidikan yang dijalankan dapat membuka mata masyarakat betapa perlunya budaya warisan dipelihara. Serentak itu, ceramah, seminar serta bengkel turut diadakan bagi mengajar dan mendidik masyarakat tentang cara dan kepentingan memelihara budaya warisan.

Muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran Muzium Negeri menyediakan beberapa program tertentu bagi memenuhi aspek ini seperti lawatan bersepadu, ceramah, bengkel, penerbitan promosi, dan menyemai semangat kekitaan dan negarawan. Melalui aktiviti Muzium,



seseorang itu dapat belajar untuk mengenali diri sendiri dan orang lain. Sebagai ‘ universiti terbuka ’ bahan pameran yang dipertontonkan memberi peluang kepada setiap anggota masyarakat untuk mengenali budaya keturunan atau bangsa lain. Keadaan ini secara tidak langsung dapat memupuk semangat negarawan terutama di kalangan generasi muda. Selain itu Muzium secara tidak langsung juga menonjolkan peranan dalam membentuk masyarakat peka dan mempunyai kesedaran yang tinggi.

## **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Muzium sebagai penyimpan barang-barang lama yang di simpan dalam sebuah bangunan lama. Pandangan tradisional ini berubah dari semasa ke semasa, Dalam hal ini, saya mendapati kurangnya pendedahan tentang kepentingan muzium terhadap masyarakat masa kini. Kurang pendedahan awal ini menyebabkan ramai masyarakat kita kurang memahami kepentingan muzium. Masyarakat. Muzium tidak memberikan manfaat bagi kehidupan sosial budaya, ekonomi, dan politik. sering menganggap muzium merupakan tempat penyimpanan bahan lama yang purba. Selain itu juga, ianya hanya dapat menarik segelintir masyarakat sahaja terutama golongan belia yang mempunyai tahap pendidikan formal. Muzium tersebut juga mengenakan bayaran kemasukan iaitu sebanyak RM 1.00 untuk orang dewasa dan manakala kanak-kanak pula sebanyak RM 0.50. hal ini membuatkan para pengunjung berfikir beberapa kali untuk ke Muzium tersebut lebih-lebih lagi golongan belia.

## **1.2 SKOP KAJIAN**

Berdasarkan skop kajian yang dilakukan, pengkaji telah memilih muzium sebagai bahan kajian kerana dilihat oleh pengkaji mempunyai permasalahan terhadap penerimaan masyarakat terhadap muzium di Malaysia. Selain itu, pengkaji turut ingin mengkaji langkah yang diambil untuk memberi kesedaran tentang kepentingan muzium terhadap masyarakat. Skop kajian bersama yang akan ditekankan oleh pengkaji adalah dari segi aspek menganalisa sama ada masyarakat Malaysia memahami atau sebaliknya tentang kepentingan muzium. Maklumat ini akan dikumpul melalui analisis yang akan dijalankan dengan menemubual masyarakat terhadap tahap penerimaan muzium itu sendiri

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- Mengkaji kepentingan Muzium Negeri Kelantan terhadap masyarakat masa kini.
- Menganalisa tentang peranan Muzium Negeri Kelantan terhadap tahap penerimaan masyarakat.
- Menilai persepsi masyarakat terhadap Muzium Negeri Kelantan dari aspek pameran, kemudahan, persekitaran, maklumat dan komunikasi.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- Sejujukanakah masyarakat masa kini mengetahui tentang kepentingan Muzium Negeri Kelantan?
- Bagaimanakah tahap penerimaan masyarakat terhadap Muzium Negeri Kelantan?
- Sejujukanakah persepsi masyarakat terhadap Muzium Negeri Kelantan dari aspek pameran, kemudahan, persekitaran, maklumat dan komunikasi?

#### **1.5 HIPOTESIS KAJIAN**

Penyelidik mengandaikan pemnambahbaikan infrastruktur yang lebih baik akan meningkatkan kedatangan pengunjung ke Muzium negeri Kelantan. Perlaksanaan proses penambahbaikan ini memberikan keselesaan kepada pengunjung atau masyarakat dan maklum balas negatif akan dapat dikurangkan.

## 1.6 LOKASI KAJIAN

Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan (Medan) Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (T.I.C.). Sebelum dijadikan Muzium ianya merupakan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu. Bangunan tersebut telah dibaikpulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan sebuah Muzium.



<https://www.google.com.my/maps/place/Muzium+Kelantan/@6.125121,102.238252,17z/data=!3m1!4b1!4m2!3m1!1s0x31b6afc42e0d52c9:0x7a75b6c84e573399> 1/1

(sumber:<https://www.google.com.my/maps/place/muzium+Kelantan/@6.125121,102.238.235,17z/data=!3m1!4b1!4m2!3m1!1s0x31b6afc42e0d52c9:0x7a75b6c84e573399>)

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam hal ini, pengkaji mempunyai kepentingan yang tersendiri tidak kiralah kajian itu berkepentingan dari sudut skop pembelajaran semasa, skop ekonomi, dan skop perkembangan masyarakat. dari sudut skop pembelajaran semasa.

### **1.7.1 KEPENTINGAN TERHADAP MASYARAKAT**

Masyarakat akan lebih mengetahui tentang sejarah- sejarah dan adat warisan Negeri Kelantan. Selain itu juga, dapat mengetengahkan pameran-pameran perihal kehidupan masyarakat melayu Kelantan dan menjadi medium pendidikan dalam memberikan maklumat tentang sejarah. Masyarakat juga akan dapat melihat bahan-bahan pameran berkaitan budaya masyarakat kelantan tradisional yang kini sukar dijumpai pada abad ini.

### **1.7.2 KEPENTINGAN TERHADAP MUZIUM**

Muzium memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan Negara. Masyarakat akan mengetahui akan keunikan Muzium Negeri Kelantan ini. Jika promosi dapat dijalankan dengan lebih lebih efektif lagi, kemungkinan para pengunjung akan lebih ramai lagi mengunjungi Muzium Negeri Kelantan ini. Keberkesanan penyampaian maklumat oleh pihak pengurusan muzium akan memberi kesan yang positif kepada pengunjung yang datang.

## **1.8 RUMUSAN**

Kajian ini berharap pembaca dapat memahami topik kajian yang akan dijalankan. oleh itu kajian ini juga berharap pembaca dapat menunjukkan minat untuk menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan ilmiah di masa hadapan. Kesemua elemen kajian ini amat penting supaya kajian yang dilakukan mengikut turutan dan memahami serta mendalami kajian yang ingin dilakukan. Setelah kesemua bab satu ini diselesaikan, kajian seterusnya ialah bab 2 iaitu sorotan kesusasteraan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KESUSASTERAAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab ini mengulas karya-karya terpilih hasil kajian pengarang lain mempunyai perkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Ulasan yang dibincangkan mempunyai kaitan dengan muzium dan peranannya, pelawat dan persepsinya serta factor atau tujuan pelawat berkunjung ke muzium.

#### **2.1 SEJARAH MUZIUM DUNIA**

Muzium merujuk kepada bangunan tempat menyimpan khazanah sejarah purba atau yang lalu. Muzium penting sebagai tempat kita merujuk sekiranya kita ingin mengetahui tentang sejarah lampau. Istilah 'Muzium' , bahasa Inggerisnya 'Museum' dan bahasa Yunannya 'Mouseion' . Istilah ini bermaksud rumah suci 'Muse' iaitu Tuhan atau kumpulan sembilan dewi lambang ilmu dan kesenian. Di Malaysia, muzium disebut sebagai 'sekolah gambar' kerana banyak gambar dipamerkan. Abad ke-3 sebelum masehi Muzium Iskandariah dibina bagi memaparkan kehebatan kerajaan Firaun , Piramid dan Sphinx di pelabuhan Iskandariah, Mesir merupakan muzium pertama di dunia.

Kemunculan muzium dunia telah berkembang seiring dengan peredaran masa. Pada masa dahulunya muzium hanya dijadikan tempat penyimpanan barang antik, seni dan specimen secara persendirian dan tidak terbuka kepada umum. Pernyataan ini disokong oleh Eilean Hooper-Greenhill dalam bukunya yang bertajuk *Museum, Media, Massage*. Menurut Eilean Hooper-Greenhill (1995:41) menyatakan bahawa:

*“The root of museum are conventionally traced back to the ancient western world, where arts was first shown as a booty of conquest in the splendour of private villas. Seen also as object knowledge in the classical world, arts and scientific specimens were used in a mouseion, or community of scholars, in the city of alexendria. There, the muses of arts and science. “*

Pertanyaan tersebut menerangkan asal-usul kemunculan muzium yang bermula di barat di mana ia dibuka secara persendirian dengan pengumpulan koleksi antik dan spesimen sains.

## **2.2 SEJARAH MUZIUM DI MALAYSIA**

Sistem permuziuman di Malaysia bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British menubuhkan Muzium Perak di Taiping yang merupakan Muzium Negara pada masa sekarang ini. Ini diikuti dengan penubuhan Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888 dan kemudiannya Muzium Selangor pada tahun 1899. Pada tahun 1910, pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Manakala pada tahun 1930, pengurusan tersebut dipisahkan semula sebagai satu langkah di bawah sistem disentralisasi oleh pemerintah British.

Pada tahun 1959, sejurus selepas kemerdekaan, pihak kerajaan melantik seorang arkitek berketurunan cina iaitu Encik Ho Kok Hoe untuk mereka bentuk Muzium Negara yang akan dibina di atas bekas tapak Muzium Selangor. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-III Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963. Muzium Selangor merupakan sebuah muzium mempunyai keluasan yang mampu menampung koleksi artifak dalam jumlah yang banyak dalam satu-satu masa. Akibat